



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

17 JANUARI 2023 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

17 JANUARI 2023 (SELASA)

Price controls implemented until Jan 29 for eight grocery items

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: There are eight controlled items for Chinese New Year, with imported round cabbages from Indonesia and China (excluding Beijing), imported potatoes from China and garlic among the items on the list.

The others include white pomfret fish (weighing between 200gm to 400gm per fish), white shrimp, and live pigs and their parts.

The price control scheme, enforced on Sunday, will remain in effect until Jan 29.

Traders are required to insert a pink price tag on the display of the controlled items during the period.

Those failing to do so and those breaking the ceiling prices will be penalised, said the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

Its minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said supermarkets should set a good example to others when it comes to setting affordable prices.

"If there are discrepancies, the ministry will have to act. Although

the continuous issuing of penalties is not what the ministry desires, this does not mean that we are turning a blind eye to pricing violations," he told reporters after visiting the AEON Hypermarket at Mid Valley Megamall here yesterday.

Salahuddin commended the supermarket for selling controlled items listed by the ministry in con-

junction with Chinese New Year below the set ceiling prices.

The minister also said education was a crucial aspect when it comes to curbing food wastage.

"At the same time, we hope that through current promotion initiatives, there will no longer be panic buying among consumers," he added.

Melaka rekod 9 kes kesalahan SHMMP tahun lepas



Hee Sem (kanan) memeriksa tanda harga selepas menyempurnakan Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2023 di salah sebuah pusat beli-belah di Cheng pada Isnin.

MELAKA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka merekodkan sembilan kes di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) daripada keseluruhan 317 kes melibatkan pelbagai kesalahan, tahun lepas.

Exco Perpaduan, Penerangan, Sumber Manusia dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem berkata, antara kesalahan dilakukan ialah menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum dan gagal meletakkan tanda harga merah jambu.

"Sepanjang SHMMP Tahun Baharu Cina yang berkuat kuasa bermula 15 hingga 29 Januari ini, KPDN Melaka juga menggerakkan seramai 90 penguat kuasa untuk melakukan pemeriksaan di lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan.

"Kita juga mahu mengingatkan peniaga (bahawa) tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011,"

katanya kepada pemberita di sini pada Isnin.

Hee Sem sebelum itu menyempurnakan Pelancaran SHMMP Tahun Baharu Cina 2023 di sebuah pusat beli-belah di Cheng, di sini yang turut dihadiri Pengarah KPDN Melaka, Norena Jaafar.

Hee Sem berkata, sepanjang tahun lepas juga, KPDN Melaka memeriksa 30,021 premis dan merampas pelbagai barangan berjumlah RM4.9 juta, selain mengeluarkan kompaun sebanyak RM91,150. - *Bernama*

KPDN beri amaran peruncit gagal letak tanda harga, rekod nilai rampasan RM4.9 juta

'Peniaga degil akan terus dikompaun'

Oleh AMRAN MULUP

MELAKA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka menegaskan tiada lagi amaran akan diberikan kepada peniaga yang gagal meletakkan tanda harga sebaliknya mereka boleh dikenakan tindakan kompaun serta-merta.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem berkata, peniaga di negeri ini khususnya di kawasan tumpuan pelancong diingatkan untuk mematuhi arahan meletakkan tanda harga.

Tegas beliau, KPDN negeri tidak akan berkompromi ekoran sikap peniaga yang masih terus ingkar dan tidak mempedulikan arahan untuk meletakkan tanda harga pada barangan yang dijual.

Katanya, bagi mengekang masalah berkenaan, penguat kuasa akan turun padang seteru-



HEE SEM (dua dari kiri) selepas melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2-23 di sebuah pasar raya di Cheng, Melaka semalam.

rusnya memastikan peniaga meletakkan tanda harga pada setiap barangan mereka.

"Saya lihat peniaga di Jonker

Walk masih degil walaupun kelmarin sudah ditegur tetapi semalam hasil tinjauan bersama Ketua Menteri, Datuk Seri Su-

laiman Md. Ali mereka masih tidak meletakkan tanda harga," katanya selepas melancarkan Skim Harga Maksimum Musim

Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2023 di sini semalam.

Ujarnya, tiada lagi amaran akan diberikan seperti sebelum ini sebaliknya peniaga akan terus diberikan notis kompaun serta-merta jika didapati mereka tidak meletakkan tanda harga pada barangan yang dijual.

Tambahnya, KPDN merekodkan rampasan RM4.9 juta membabitkan 317 kes sejak Januari sehingga 31 Disember lalu.

Jelas Ngwe Hee Sem, nilai itu hasil pemeriksaan ke atas 30,021 premis serta 785 aduan yang diterima daripada orang ramai.

"Sebanyak 20 kes membabitkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan nilai rampasan sebanyak RM4.8 juta dan kompaun yang diterima sebanyak RM30,000.

"Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 merekodkan kes tertinggi sebanyak 189 kes dengan nilai rampasan berjumlah RM1,549,700 dan kompaun berjumlah RM35,600," ujarnya.

 Senarai Harga Barangan Keperluan	• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.75	• Cula Pasir	RM2.42	• Cili Merah	RM8.99
	• Daging Lembu Tempatan	RM44.29	• Ikan Kembung	RM14	• Bawang Besar Holland	RM3.40	• Kubis Tempatan	RM2.80
	• Daging Lembu Import	RM50.90	• Minyak Masak	RM6.35	• Bawang Putih	RM4.88	• Tepung Gandum	RM3.23
*Harga (RM/ka) Sumber: KPDN								



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

17 JANUARI 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 17 JANUARI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-Jan	KPDN Melaka rekod nilai rampasan RM4.9 juta	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/kpdn-melaka-rekod-nilai-rampasan-rm4-9-juta/	UM
17-Jan	Kerajaan sedang buat kajian apung harga telur	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/926353/kerajaan-sedang-buat-kajian-apung-harga-telur	HM
17-Jan	CNY: KPDN advises traders to comply with SHMMP	https://www.thesundaily.my/home/cny-kpdn-advises-traders-to-comply-with-shmmp-DF10510047	THESUNDAILY
17-Jan	KPDN tidak berkompromi peniaga ingkar patuhi skim kawalan harga	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1052682/kpdn-tidak-berkompromi-peniaga-ingkar-patuhi-skim-kawalan-harga	BH
17-Jan	Langgar peraturan kawalan harga, KPDN tidak berkompromi	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/926422/langgar-peraturan-kawalan-harga-kpdn-tidak-berkompromi	HM
17-Jan	KPDN saran peniaga patuh ski harga maksimum musim perayaan	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2156739	BERNAMA
17-Jan	KPDN tidak akan kompromi dengan pihak yang langgar peraturan kawalan harga	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/55397-kpdn-tidak-akan-kompromi-dengan-pihak-yang-langgar-peraturan-kawalan-harga	BERITARTM
17-Jan	KPDN saran peniaga patuh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan	https://www.thesundaily.my/home/kpdn-saran-peniaga-patuh-skim-harga-maksimum-musim-perayaan-FF10510225	THESUNDAILY
17-Jan	KPDN saran peniaga patuh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan	https://www.utusanborneo.com.my/2023/01/16/kpdn-saran-peniaga-patuh-skim-harga-maksimum-musim-perayaan	UMBORNEO
17-Jan	KPDN saran peniaga patuh skim harga maksimum musim perayaan	https://selangorkini.my/2023/01/kpdn-saran-peniaga-patuh-skim-harga-maksimum-musim-perayaan/	SELANGORKINI
17-Jan	CNY: KPDN advises traders to comply with SHMMP	https://selangorjournal.my/2023/01/cny-kpdn-advises-traders-to-comply-with-shmmp/	SELANGORJOURNAL
17-Jan	CNY: Domestic Trade Ministry advises traders to comply with Festive Season Maximum Price Scheme	https://www.theborneopost.com/2023/01/16/cny-domestic-trade-ministry-advises-traders-to-comply-with-festive-season-maximum-price-scheme/	THEBORNEOPOST
17-Jan	CNY: KPDN advises traders to comply with SHMMP	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2156740	BERNAMA
17-Jan	Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2023 dilancar Isnin	https://www.borneodailybulletin.com/skim-harga-maksimum-musim-perayaan-shmmp-tahun-baru-cina-2023-dilancar-isnin/	BORNEODAILYBULLETIN
17-Jan	Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2023 Sabah dilancar	https://wartaoriental.com/2023/01/16/skim-harga-maksimum-musim-perayaan-tahun-baharu-cina-2023-sabah-dilancar/	WARTAORIENTAL

17-Jan	SHMPP : KPDN Sabah periksa 111 premis setakat semalam	https://sabahmedia.com/2023/01/16/shmpp-kpdn-sabah-periksa-111-premis-setakat-semalam/	SABAHMEDIA
17-Jan	Berhemat dalam pembelian, tangani pembaziran makanan - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/berhemat-dalam-pembelian-tangani-pembaziran-makanan-salahuddin-402166%3famp=1	ASTROAWANI
17-Jan	16 JAN 2023 - BERITA PERDANA - PENIAGA INGKAR PATUHI SKIM KAWALAN HARGA KPDN TIDAK AKAN BERKOMPROMI	https://youtu.be/2-Hfy10sErA	BERITARTM
17-Jan	KPDN Pulau Pinang tahan lelaki selewang diesel bersubsidi	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/01/1052807/kpdn-pulau-pinang-tahan-lelaki-selewang-diesel-bersubsidi	BH
17-Jan	KPDN P.Pinang tahan lelaki cuba selewang diesel bersubsidi	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-p-pinang-tahan-lelaki-cuba-selewang-diesel-bersubsidi-402202%3famp=1	ASTROAWANI
17-Jan	KPDN P.Pinang tahan lelaki cuba selewang diesel bersubsidi	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2156776	BERNAMA
17-Jan	KPDN Melaka rekod nilai rampasan RM4.9 juta tahun 2021	https://www.kosmo.com.my/2023/01/16/kpdn-melaka-rekod-nilai-rampasan-rm4-9-juta-tahun-2021/	KOSMO
17-Jan	KPDN Melaka keluarkan kompaun RM91,000 tahun lalu	https://www.melakahariini.my/kpdn-melaka-keluarkan-kompaun-rm91000-tahun-lalu/	MELAKAHARINI
17-Jan	KPDN Melaka rampas barangan hampir RM5 juta tahun lalu	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-melaka-rampas-barangan-hampir-rm5-juta-tahun-lalu/	BULETINTV3